

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meningkatkan rakyat supaya jangan terperangkap dengan tafsiran Barat mengenai keluarga.

Perdana Menteri berkata, Barat berpendapat keluarga boleh juga terdiri daripada seorang dewasa dengan seorang kanak-kanak dan pasangan homoseksual atau lesbian yang mengambil seorang kanak-kanak sebagai anak mereka.

"Jika kita tidak berjaga-jaga, kita akan terperangkap dengan tafsiran itu yang boleh menghancurkan institusi keluarga di negara ini", katanya ketika melancarkan tayangan perdana filem "Jeritan Batinku" dan majalah "Kasih" terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata Barat menolak tafsiran Malaysia mengenai keluarga apabila wakil negara ini yang berucap pada persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyatakan bahawa keluarga terdiri daripada ibu dan bapa serta anak-anak.

Beliau berkata, penolakan Barat itu tidak memmeranjatkan kerana mereka mengiktiraf perkahwinan lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan, bersekedudukan dan bertukar-tukar pasangan. -- Laqi

▼12/08/22-33MST

CNS0393

R GB 12-08 00133 BC270

bah

Mahathir - Keluarga 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, akibat pengikhtirafan itu, masalah sosial di Barat semakin teruk dan akhirnya berlaku perkahwinan sesama adik-beradik kerana tidak mengenali ibu bapa sendiri.

Sehubungan dengan itu, rakyat Malaysia hendaklah mempertahankan institusi keluarga yang ada di negara ini dengan menyemai rasa kasih sayang secukupnya, kata beliau.

Beliau berkata, ini penting bukan sahaja bagi melahirkan keluarga yang bahagia tetapi juga menjamin masyarakat Malaysia yang beradap-sopan.

Perdana Menteri berkata kematian seorang kanak-kanak bernama Mohd Afiq baru-baru ini akibat didera patut menjadi teladan betapa keluarga yang tidak disemai dengan kasih sayang mengakibatkan penderitaan kepada kanak-kanak yang tidak berdosa.

Walaupun, bapa kanak-kanak itu telah dihukum penjara 20 tahun, nyawa Mohd Afiq tidak dapat dikembalikan, kata beliau. -- Laqi

▼12/08/22-37MST

CNS0394

R GB 12-08 00152 BC271

bah

Mahathir - Keluarga 3 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata peristiwa itu ialah antara banyak laqi kes penderaan kanak-kanak yang berlaku di negara ini akibat kehakisan institusi keluarga sejak akhir-akhir ini.

"Ini perlu dibendung segera sebelum terlambat. Saya amat berharap keruntuhan institusi keluarga di Barat tidak melanda negara ini," katanya.

Perdana Menteri menyifatkan penayangan filem "Jeritan Batinku" tepat pada masanya dan berharap ia dapat meninggalkan kesan yang sewajarnya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima cek sumbangan beberapa badan korporat, individu dan agama untuk Tabung Amanah Rumahku Syurgaku.

Filem "Jeritan Batinku" mengisahkan penderitaan seorang kanak-kanak perempuan yang terpaksa menumpang rumah emak saudaranya selepas kematian ibu dan bapanya.

Filem terbitan Arif Skop Production itu dibintangi antara lain oleh Aziz Jaafar, Rosnah Mohd Aris, Normah Damanhuri, adik Puteri Nor Mariah, Raja Nor Raizura dan Nor Alhaniah. -- Bernama